



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN KETUHANAN DALAM KALANGAN BELIA INDIA BERDASARKAN TEKS THIRUMANTHIRAM



05-4506832



SANTHA KUMARI A/P DEVERRAJU



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN KETUHANAN DALAM KALANGAN BELIA INDIA
BERDASARKAN TEKS THIRUMANTHIRAM

SANTHA KUMARI A/P DEVERRAJU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/PS-3/BO 32
Print : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (+)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsatah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12.....(hari bulan) 03..... (bulan) 20.....24

i. Perakuan pelajar :

Saya, SANTHA KUMARI A/P DEVERRAJU, M20191000728, FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESEDARAN KETUHANAN DALAM KALANGAN BELIA INDIA BERDASARKAN TEKS THIRUMTHIRAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

DR. Santhakumari

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. KARTHEGES A/L PONNIAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESEDARAN KETUHANAN DALAM KALANGAN BELIA INDIA BERDASARKAN TEKS THIRUMTHIRAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA KESUSASTERAAAN TAMIL (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12.03.2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESEDARAN KETUHANAN DALAM KALANGAN BELIA INDIA
BERDASARKAN TEKS THIRUMANTHIRAM

No. Matrik / Matric's No.: M20191000728

Saya / I: SANTHAKUMARI A/P DEVERRAJU

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

DR. Santhakumari

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tanikh: 12.03.2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. KARTHEES PONNIAH
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyempurnakan kajian ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah peribadi saya iaitu Profesor Madyah Dr Karthees A/L Ponniah yang membimbing penulisan ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa dan Komunikasi khususnya kepada Dr Ilangkumaran, Dr Kamini dan Dr Paul Thamburaj. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga kepada Dr Gunatevan yang memberi bimbingan dan dorongan kepada saya. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada suami saya Mangaladhas A/L Machap kerana memberi sokongan dalam sepanjang perjalanan saya dalam menyiapkan tesis ini. Sekalung terima kasih juga kepada kelima-lima anak saya Raveena Devi Mangaladhas, Harun Raj mangaladhas, Lishalini Mangaladhas, Hema Laksmi Dhas Mangaladhas dan Jananni Dhas mangaladhas yang sentiasa membantu dan memberi dorongan kepada saya sehingga saya menghabiskan pengajian. Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada ahli keluarga saya yang memberi galakkan sepanjang kajian ini dijalankan iaitu adik saya Mageswari Deverraju dan ibu tersayang saya Kamala Perumal. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan saya yang sangat membantu sepanjang kajian ini dijalankan iaitu Jivendra Pandian, Arun Balan dan tamilarasi Elangovan. Akhir kata, Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menerangkan kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia India berdasarkan teks Thirumanthiram dalam daerah Segamat, Johor. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif yang memberi tumpuan kepada kaedah kepustakaan dalam tafsiran kesusasteraan dan soal selidik. Memandangkan teks thirumanthiram menjadi sumber utama kajian ini, pemahaman dan tafsiran puisi klasik dijalankan melalui pendekatan hermeneutic. Pendekatan ini juga membantu mengenalpasti kesedaran keTuhanan yang dinyatakan dalam teks Thirumanthiram. Selain itu, instrumen kajian berbentuk soal selidik juga digunakan untuk mengkaji kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia India. Perbincangan kajian juga menganalisis pemahaman agama yang membentuk pemikiran generasi muda ini terhadap agama dan kehidupan rohani. Seramai 470 orang belia India terlibat dalam tinjauan soal selidik yang diedarkan secara rawak di sekitar kawasan daerah Segamat yang meliputi lima kawasan iaitu Cha'ah, Labis, Tenang, Bandar Segamat dan Batu Anam. Belia India dikategorikan mengikut umur antara 15-30 tahun berdasarkan Dasar Belia Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman serta amalan belia India dalam kesedaran keTuhanan dalam lima kawasan ini berada pada tahap sederhana dalam beberapa dimensi yang melambangkan manifestasi aspek pemikiran dan kepercayaan agama dalam agama Hindu.



DIVINE AWARENESS AMONG INDIAN YOUTH BASED ON THE THIRUMANTHIRAM TEXT

ABSTRACT

This study aims to examine and explain divine awareness among Indian youth based on the Thirumanthiram text in Segamat district, Johor. This study is qualitative and quantitative in nature, focusing on library methods in the nature of literature interpretation and questionnaires. Since the Thirumanthiram text is the main source of reference for this study, the understanding and interpretation of classical poems is carried out through a hermeneutik approach. This approach is also helps identify the god consciousness expressed in the Thirumanthiram text. Apart from that, a research instrument in the form of a questionnaire was also used to study the awareness of God among indian youth. The discussion also analysed the understanding of religion that shaped the thinking of this young generation towards religion and spiritual life. A total of 470 youth respondents were involved in this survey which was randomly distributed around the Segamat district which covers five areas namely Cha'ah, Labis. Tenang, Bandar Segamat and Batu Anam. Indian Youths are categorized according to 15-30 based on the Malaysian Youth Policy. Findings show the level of knowledge and understanding and practise of the youth in the awareness of god in these five areas are at a moderate level in some dimensions that symbolize the manifestation of aspects of religious thought and belief in their Hindu religion. Studies also show that there is a positive relationship in Hindu religious thinking. This shows that the level of practice and exposure to religious activities has an impact on religious thinking.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kerangka Konsep Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Operational	14

1.9.1	Kesedaran KeTuhanan (God Cociousness)	14
1.9.2	Thirumanthiram	15
1.9.3	Belia	17
1.9.4	Saiva Siddhantham	18
1.9.4.1	Pathi	19
1.9.4.2	Pasu	20
1.9.4.3	Pasam	20
1.9.5	Sariyai	20
1.9.6	Kriyai	21
1.9.7	Yogam	21
1.9.8	Nyanam	22

1.10	Kesimpulan	23
------	------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Thirumanthiram	26
2.3	Maksud Thirumanthiram	27
2.3.1	Thiru	28
2.3.2	Manthiram	29
2.4	Pengasas Thirumanthiram	29
2.5	Thirumoolarin Marabu (Keturunan)	33
2.6	Zaman Thirumoolar	34
2.7	Penyusunan Teks Thirumanthiram	35
2.7.1	Sembilan Tanthiram	36

2.8	Kesedaran KeTuhanan	38
2.9	Cara Penyembahan Tuhan	47
2.9.1	Suththa Saivam	47
2.9.2	Asuththa Saivam	48
2.9.3	Marga Saivam	49
2.9.4	Kadunchuththa Saivam	49
2.10	Sariyai, Kriyai, Yogam dan Nyanam	50
2.10.1	Sariyai	50
2.10.1.1	Sariyaiyil Sariyai	52
2.10.1.2	Sariyaiyil Kiriyai	54
2.10.1.3	Sariyaiyil Yogam	55
2.10.1.4	Sariyaiyil Nyanam	56
2.11	Kiriyai	56
2.12	Yogam	59
2.13	Nyanam	63
2.14	Kajian-Kajian Lepas Mengenai Thirumanthiram	66
2.15	Belia	72
2.16	Belia Di Malaysia	74
2.17	Kesedaran KeTuhanan Belia	85
2.18	Kajian-Kajian Lepas Mengenai Belia	87
2.19	Rumusan	89

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	92
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	92
3.3	Populasi Kajian	93
3.4	Persampelan	95
3.5	Lokasi Kajian	97
3.6	Instrumen Kajian	97
3.6.1	Identifikasi dan Dokumentasi	98
3.6.2	Penyiasatan dan Pembahagian Data	98
3.6.3	Penginterpretasi dan Analisis	98
3.6.4	Penggabungan dan Pencapaian kesimpulan	99
3.7	Kajian Rintis	102
3.8	Penganalisan Data	104
3.9	Teori Saiva Siddhantham	106
3.10	Pathi	107
3.11	Pasu	112
3.12	Pasam	113
3.13	Anavam (ego)	113
3.14	Kanmam (karma)	114
3.15	Mayai	115
3.16	Rumusan	119

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	120
4.2	Saiva Siddhantham	122
4.3	Pathi	123

4.4	Pasu	129
4.5	Pasam	130
4.6	Sariyai	130
4.6.1	Menyedekah makanan kepada pengikut Tuhan Shiva	132
4.6.2	Menyumbang barang-barang keperluan	138
4.6.3	Memberi khidmat fizikal	140
4.6.4	Teguh dalam prinsip pegangan hidup	141
4.6.7	Membuat amalan kebajikan di kuil	142
4.7	Kiriyai	149
4.7.1	Sivapoojai	150
4.7.2	Kuil	155
4.7.3	Thiruvaintheluththu	162
4.7.4	Siva Velvi	166
4.8	Yogam	168
4.8.1	Natha Yogam	170
4.8.2	Thiyana Yogam	172
4.8.3	Mantira Yogam	172
4.8.4	Yoga Siddhi	174
4.9	Nyanam	176
4.9.1	Tuhan menjadi guru	177
4.9.2	Bebas daripada kejahilan (Ariyaamai)	181
4.9.3	Memperoleh sifat keTuhanan	182
4.9.4	Tidak mementingkan hal-hal duniawi	183

4.9.5	Boleh membuat keajaiban	185
4.10	Kesimpulan	186
4.11	Analisis Deskriptif	187
4.11.1	Pengetahuan belia tentang teks Thirumanthiram	190
4.11.2	Kepercayaan dan keyakinan belia terhadap Tuhan	194
4.11.3	Kefahaman belia dalam kesedaran keTuhanan	197
4.11.4	Pengamalan kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia	203
4.12	Perbandingan kesedaran keTuhanan yang terkandung dalam teks	206
4.12.1	Perkaitan kesedaran ke Tuhanan dalam keruntuhan ahlak Belia.	207
4.12.2	Konsep Anbe Sivam (Maha pengasih)	211
4.12.3	Berdoa dan bertafakur (meditation)	213
4.12.4	Kepercayaan Hindu dalam konsep satu Tuhan	216
4.12.5	Kepentingan Kesedaran keTuhanan kepada belia	219
4.12.6	Tempoh waktu untuk sembahyang oleh belia	222
4.12.7	Pengetahuan belia dalam kitab suci agama	226
4.12.8	Pengetahuan agama	228
4.12.9	Karma	229
4.13	Kesimpulan	236

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	239
5.2	Kesedaran keTuhanan dalam Thirumanthiram	241
5.3	Kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia	244

5.4	Implikasi kajian	247
5.5	Cadangan kajian	248
5.5.1	Cadangan kepada belia	248
5.5.2	Cadangan kepada pengkaji akan datang	249
5.6	Penutup	250
	RUJUKAN	253
	LAMPIRAN	266

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Sembilan Tanthiram	36
2.2 Menyedekah Makanan	40
2.3 Menyumbang Barang Keperluan Kepada para pengikut Tuhan	42
2.4 Membuat Amalan Kebajikan di Kuil	43
2.5 Teguh Dalam prinsip Pegangan Hidup	45
3.1 Jumlah Penduduk Lelaki dan Perempuan di Daerah Segamat	94
3.2 Jumlah Penduduk Mengikut Etnik di Daerah Segamat	94
3.3 Tafsiran Bacaan min	105
4.1 Taburan responden mengikut jantina	188
4.2 Taburan responden mengikut kumpulan umur	188
4.3 Taburan responden mengikut tahap pendidikan	189
4.4 Taburan sampel mengikut taraf kerjaya	189
4.5 Pengetahuan belia tentang teks Thirumanthiram	190
4.6 Kepercayaan dan keyakinan belia terhadap Tuhan	193
4.7 Kefahaman belia dalam kesedaran keTuhanan	197
4.8 Pengamalan kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia	203
4.9 Perbandingan pengamalan kesedaran keTuhanan belia dengan Thirumanthiram	230



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep	10
2.1 Senarai Pendekatan Yang Digunakan Dalam Melakukan Kerja-Kerja Amal	40
3.1 Reka Bentuk Kajian	93
3.2 Persempelan Kelompok Berstrata	96
3.3 Prosedur Analisis Data SPSS	104
3.4 Kaedah Analisis Data	106
3.5 Kerangka Teoritikal	117
3.6 Prosedur Kajian	118
4.1 Senarai pendekatan sariyai	131
4.2 Senarai pendekatan kiriyai	150
4.3 Senarai pendekatan Yogam	170
4.4 Senarai pendekatan Nyanam	176



SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	267
B	Pengesahan Soalan Selidik	273

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan tentang kajian yang dijalankan mengikut topik-topik yang dibahagikan kepada beberapa subtopik. Antara subtopik yang dibincangkan ialah latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi pengoperasian. Latar belakang kajian merangkumi aspek-aspek yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bertujuan untuk menjelaskan idea tentang kajian ini. Pernyataan masalah memberi gambaran mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada pelaksanaan kajian. Objektif dan persoalan kajian juga turut dibincangkan terutama tentang persoalan kajian yang ingin dicapai. Seterusnya kepentingan kajian juga diharapkan dapat mencapai sasaran. Selain daripada itu bab ini juga membincangkan tentang objektif yang ingin dicapai dan jawapan bagi persoalan kajian secara terperinci. Akhir sekali kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi pengoperasian turut dibincangkan

dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan Tamil Pertengahan yang menggambarkan cara hidup serta tradisi yang diwarisi oleh masyarakat India yang memiliki sejarah yang panjang (Kumaran Ramaiyah, 2015). Sejarah kesusasteraan Tamil Pertengahan bermula sejak 500 SM dahulu (Sambanthan, 2011). Walaupun karya-karya kesusasteraan Tamil ini sudah berzaman tetapi ia masih boleh dijadikan sebagai panduan dan pedoman hidup masyarakat India. Karya-karya kesusasteraan Tamil Pertengahan mempunyai pelbagai nilai penting yang boleh membawa seseorang mendekati Tuhan yang Maha Esa. Selain daripada itu, Kesusasteraan juga dapat menggambarkan budaya masyarakat India serta membantu seseorang menikmati kebahagiaan di dunia dan akhirat (Vellaivaranar, 2002)

Terdapat pelbagai karya Kesusasteraan Tamil Pertengahan dalam kalangan masyarakat India. Karya-karya tersebut ialah '*Periya Puranam*', '*Thevaram*', '*Thiruvagasam*', '*Thirumanthiram*' dan sebagainya. Karya *Thirumanthiram* dikatakan mempunyai konsep ketuhanan secara mendalam serta sebahagian besar '*Thirumanthiram*' menerangkan mazhab 'Saivisme' secara teliti. *Thirumanthiram* juga merupakan sebuah Kesusasteraan Tamil Pertengahan yang terunggul. Oleh yang demikian pengkaji telah memilih *Thirumanthiram* sebagai rujukan yang utama dalam kajian semasa. Tajuk kajian yang dipilih ialah Kesedaran Ketuhanan dalam kalangan Belia India berdasarkan Teks *Thirumanthiram*. Kesedaran keTuhanan (*God*

Consciousness) merupakan salah satu elemen penting dalam budaya masyarakat India Hindu yang berharga dalam kehidupan yang dapat membezakan manusia daripada kehidupan yang lain.

Kesusasteraan Tamil masyarakat India merupakan khazanah yang tidak ternilai dan dianggarkan bermula dan berkembang pesat sejak zaman Sangam iaitu pada abad ke -5. Zaman Sanggam ini meliputi tiga bahagian Sanggam. Sanggam dapat didifinisikan sebagai sebuah Dewan Persidangan bagi cendekiawan yang dinaungi oleh keturunan kerabat diraja iaitu Raja Pandian. Tradisi yang dimiliki oleh masyarakat India merupakan tradisi tertua dan terangung yang masih menjadi pegangan hidup dan diamalkan sehingga sekarang (Kumaran Ramaiyah. 2015). Kesusasteraan sesuatu tamadun menunjukkan cara hidup dan juga amalan-amalan yang diikuti oleh masyarakat berkenaan. Kesusasteraan sesuatu tradisi dapat menggambarkan cara hidup masyarakat sesuatu tamadun dengan lebih tepat dan juga telus (Rajantharan. &Sillalee. 2012). Oleh yang demikian, kesusasteraan memainkan peranan yang sangat penting dalam menggambarkan ketamadunan sesuatu golongan masyarakat dalam sesuatu tempat. Tradisi ini mewarisi berjuta-juta epik kesusasteraan yang telah menggambarkan kehidupan masyarakatnya (Sambanthan. 2011).

Selain daripada menggambarkan cara hidup dan tradisi masyarakat, karya-karya kesusasteraan ini juga menjadi panduan hidup masyarakat India pada masa kini (Selvaraj, 2015). Karya-karya kesusasteraan terutamanya karya kesusasteraan Thirumanthiram boleh dijadikan panduan hidup oleh seseorang manusia yang ingin mendekatkan diri mereka dengan Tuhan yang Maha Esa. Puisi-puisi yang terdapat

dalam Thirumanthiram dapat mendorong dan membantu seseorang untuk menikmati kehidupan yang bahagia bukan sahaja di bumi ini tetapi juga diakhirat (Vellaivaranar, 2002).

Masyarakat India percaya bahawa, seseorang yang lahir di bumi ini perlu berusaha untuk mendekatkan diri mereka kepada Tuhan yang Maha Esa sehingga mereka berjaya mencapai '*Mukti*' (Darmalinggam, 2012). '*Mukti*' membawa maksud akhir ataupun telah sampai pada tahap atau masa yang sesuai untuk tindakan atau tujuan tertentu. '*Mukti*' merujuk pada akhir hidup. Jika tidak mencapai '*Mukti*' maka roh tersebut akan mengambil kelahiran semula di bumi ini sehingga mencapai '*Mukti*' (Somasundram, 2001). Oleh yang demikian, setiap manusia perlu berusaha untuk mendekatkan diri mereka dengan Tuhan yang Maha Esa supaya mereka dapat membebaskan diri mereka daripada kitaran kelahiran dan juga kematian serta menikmati kehidupan yang bahagia selama lamanya di tapak Tuhan yang Maha Esa (Darmalinggam, 2012).

Teks Thirumanthiram merupakan salah satu karya kesusasteraan yang terkandung dalam '*Thirumurai*'. Thirumanthiram bermaksud '*Mantra Suci*'. Teks Thirumanthiram dihasilkan oleh Thirumoolar. Ia merupakan '*Thirumurai*' yang ke sepuluh daripada duabelas jilid '*Thirumurai*' dan merupakan teks '*Aagamam*' '*Saivisme*' dalam Bahasa Tamil yang terawal. Ia menggambarkan '*Saiva Siddhantham*' yang membincangkan empat langkah berkaitan kemajuan kerohanian secara terperinci bagi mendekati Tuhan Yang Maha Esa (Thurgadass.S.K.Swamy. 2003). Mazhab '*Saivisme*' menetapkan empat pendekatan utama yang boleh diikuti oleh seseorang dalam usaha mendekati Tuhan serta dalam usaha pencapaian '*Mukti*'.

Empat pendekatan tersebut ialah '*Sariyai*', '*Kiriyai*', '*Yogam*' dan juga '*Nyanam*' (Narayanaswamy, 2010)..

Teks Thirumanthiram dibahagikan kepada sembilan bahagian yang digelar '*Thanthiram*'. '*Thanthiram*' ini merangkumi kefahaman mazhab '*Saivism*' (Darmalingam, 2012). *Sekhkizhar* seorang yogi yang mengarang '*Periyapuranam*' menyatakan Thirumanthiram sebagai '*Tamizh Moovaayiram*' kerana Thirumanthiram merangkumi 3000 puisi dan setiap puisi tersebut mempunyai struktur metrikal yang unik (Varatarajan, 2003). Puisi-puisi ini telah menjadi asas kepada penganut mazhab '*Saivism*' dalam mengerjakan ibadah (Acharya, 2009).

'*Sariyai*', '*Kiriyai*', '*Yogam*' dan '*Nyanam*' dinyatakan secara terperinci dalam teks Thirumanthiram bagi seseorang untuk mengerjakan ibadah serta mendekatkan diri kepada Tuhan. '*Sariyai*' ialah amalan membuat kebajikan yang mengutamakan khidmat fizikal yang berkaitan dengan agama (*Thirumanthiram*, 1443). '*Kiriyai*' ialah penglibatan seseorang dalam upacara-upacara keagamaan tanpa mengharapkan sebarang balasan (*Thirumanthiram*, 1454). '*Yogam*' pula membawa maksud perlakuan bertafakur yang mendalam merenungkan Tuhan yang wujud dalam diri setiap insan (*Thirumanthiram*, 1457). Pendekatan terakhir iaitu '*Nyanam*' merupakan penjiwaan serta kesedaran keTuhanan yang mendalam. (*Thirumanthiram*, 1523).

Pengkaji menggunakan Teori '*Saiva Siddhantam*' yang merangkumi '*Pathi*', '*Pasu*', '*Pasam*' dan keempat-empat pendekatan '*Sariyai*', '*Kiriyai*', '*Yogam*' dan '*Nyanam*' sebagai bahan kajian kerana kajian yang lebih mendalam dan khusus dari sudut '*Saiva Siddhantam*' dan pengamalan keempat-empat pendekatan ini kurang menjadi tumpuan para sarjana sebelum ini. Maka dalam kajian semasa pendekatan



'Sariya'i, 'Kiriyai', 'Yogam' dan 'Nyanam' serta Teori 'Saiva Siddhantam' dikaji bagi memastikan sejauh mana kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia dapat membantu mereka mendekati Tuhan dan menikmati kehidupan yang bahagia. Kesedaran keTuhanan yang dinyatakan dalam teks Thirumanthiram dibandingkan dengan kesedaran keTuhanan yang dimiliki oleh belia yang beragama Hindu pada masa sekarang.

1.3 Pernyataan Masalah

Agama merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia sejagat. Ketiadaan agama boleh menyebabkan runtuhnya keperibadian seseorang, bangsa dan negara. Bangsa dan negara yang sering dirujuk kepada golongan belia perlu diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Kepercayaan ini dapat membimbing golongan belia untuk berbuat baik dan menghindari perbuatan jahat serta mengenali pahala dan dosa. Kesedaran keTuhanan ini juga dapat mendisiplinkan diri golongan belia supaya lebih bertanggungjawab kerana kepercayaan kepada Tuhan lazimnya dikaitkan dengan alam akhirat atau hari pembalasan. Agama memainkan peranan penting dalam kehidupan belia. Kesedaran kefahaman dalam keagamaan yang kurang diberi perhatian boleh membawa akibat yang buruk.

Menurut Institusi penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2013), 42% peratus bilangan penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia. Belia pada peringkat usia ini sentiasa berusaha untuk membina identiti diri (Erikson, 1964). Oleh itu, kepercayaan agama yang menjurus kepada kesedaran ketuhanan perlu dipupuk





supaya mereka dapat membina keyakinan diri dalam pembangunan dan pembentukan insan yang sempurna serta membuat sesuatu keputusan dengan betul dalam kehidupan mereka.

Kesedaran keTuhanan merupakan elemen penting dalam soal keagamaan kerana agama dikategorikan sebagai satu kepercayaan dan satu kuasa yang kuat dalam diri manusia (Khadijah et al. , 2013). Sabiq (1993) menyatakan bahawa agama mempunyai suatu kuasa yang tinggi dalam jiwa dan memberi kesan yang mendalam terhadap perasaan. Agama menjadi panduan kepada belia yang tidak memahami serta mengalami perubahan dalam diri mereka (Garbarino, 2000). Kesedaran dan kepercayaan terhadap Tuhan menjadi asas dalam memberi dorongan kepada belia dan menghalang belia daripada menceburkan diri dalam gejala soaial yang negatif.



Beberapa kajian juga menunjukkan bahawa belia yang berpegang teguh kepada ajaran agama kurang terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial yang tidak bermoral. Menurut Donahue dan Benson (1995), agama merupakan pelindung kepada belia dalam mengelakkan tingkahlaku negatif. Belia yang percaya kepada agama dan mempunyai kesedaran keTuhanan dapat hidup dengan lebih harmoni, berakhlak mulia dan berupaya mencapai kesejahteraan (McCullough & Willioughley, 2006). Kesedaran keTuhanan menjadi asas kepada belia dalam berfikir secara rasional sebelum melakukan sesuatu aktiviti. Jesteru, kesedaran keTuhanan amat penting kepada belia kerana mereka berada di peringkat pembesaran dan pencarian identiti diri mereka (Corcoran & Nichols, 2004).

Menurut kajian Fauziah et al., majoriti responden dalam kajiannya iaitu 89.5 %





mempunyai tahap pengetahuan agama yang rendah dan golongan belia yang terlibat dengan gejala sosial dan menjalani pemulihan akhlak mempunyai kesedaran keTuhanan yang sederhana. Robiah (2001) pula memberi penjelasan bahawa kepercayaan agama merupakan satu tenaga paling unggul untuk mencegah dan menentang segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental golongan belia.

Menurut Uthaya Sankar SB & Raman Vialingom (2009), masalah sosial dalam kalangan belia India meningkat dan membimbangkan kerana kurangnya kesedaran keTuhanan. Data daripada Polis Diraja Malaysia juga membuktikan kenyataan ini. Maka, daripada pernyataan ini tumpuan diberikan kepada aspek kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia India sepertimana yang disarankan oleh teks Thirumanthiram. Semakin tinggi kesedaran ketuhanan semakin rendah keterlibatan belia dalam gejala sosial. Belia yang mempunyai kesedaran keTuhanan berupaya mengelakkan diri daripada aktiviti-aktiviti yang kurang bermoral.

Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih tajuk kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia India berdasarkan Teks Thirumanthiram bagi membandingkan kesedaran keTuhanan yang dimiliki oleh belia masa kini berdasarkan teks Thirumanthiram. Teks Thirumanthiram dijadikan sebagai sumber utama dalam kajian ini kerana ia merupakan satu satunya teks kesusasteraan klasik yang membincangkan mengenai pelbagai aspek kehidupan manusia. Puisi-puisi Thirumanthiram mempunyai ciri-ciri kesedaran keTuhanan dan membimbing manusia kearah jalan yang benar. Selain itu teks Thirumanthiram mempunyai aspek kebaktian secara mendalam dan menerangkan segala perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang. Cara menyembah Tuhan, memelihara kesihatan diri, berkelakuan baik,





meleraikan karma, kepentingan pendidikan, tidak mengambil arak, tidak menipu adalah antara perkara-perkara yang terkandung dalam teks Thirumanthiram.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian ini bertujuan untuk membuat perbandingan kesedaran KeTuhanan belia Hindu Berdasarkan teks Thirumanthiram. Objektif kajian ini digubal berdasarkan pernyataan masalah.

1. Mengenalpasti kesedaran keTuhanan yang terkandung dalam teks Thirumanthiram.
2. Menganalisis kesedaran keTuhanan yang dimiliki oleh belia masa kini.
3. Merumus kesedaran keTuhanan yang terkandung dalam Thirumanthiram dan kesedaran keTuhanan yang dimiliki oleh belia pada masa kini.


1.5 Persoalan Kajian

Persoalan Kajian disasarkan berpandukan objektif kajian :

1. Apakah kesedaran keTuhanan yang terkandung dalam teks Thirumanthiram?
Bagaimanakah kesedaran keTuhanan yang dimiliki oleh belia India pada zaman sekarang?
2. Bagaimanakah persamaan dan perbezaan dapat dilihat dalam aspek kesedaran keTuhanan yang dimiliki oleh belia India pada zaman sekarang dan yang dinyatakan dalam Thirumanthiram.



1.6 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.1. di bawah menggambarkan kerangka konsep kajian.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada usaha untuk mengkaji kesedaran keTuhanan belia berdasarkan Teks Thirumanthiram. Daripada pernyataan ini tumpuan hanya diberikan kepada aspek perbandingan antara kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia dengan kesedaran keTuhanan yang dinyatakan dalam teks Thirumanthiram.



Kurangnya pengetahuan dalam aktiviti keagamaan atau kesedaran Tuhanakan menimbulkan kesan negatif dalam kalangan belia. Menurut sebuah artikel akhbar, nilai-nilai keagamaan yang kurang baik pada belia menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh norma sosial yang tidak bermoral (Mustapa Othman, 2015). Satu kajian menunjukkan bahawa kekurangan atau kefahaman agama yang cetek adalah salah satu faktor utama yang menyebabkan belia terlibat dalam aktiviti tidak bermoral atau negatif (Zulkifli Haji Mohd Yusoff). Artikel akhbar juga menambah bahawa golongan belia adalah golongan aktif yang terlibat dalam dadah, gengsterisme, jenayah seksual dan sebagainya (Utusan Melayu).

Selain itu, menurut laporan AADK pengambilan dadah di kalangan belia berusia 20-24 tahun dan 25-29 tahun adalah antara kelompok yang menduduki tempat paling banyak kes dadah pada tahun 2014 (AADK, 2021). Kini, lebih ramai belia dipengaruhi oleh faktor negatif luaran dan membuang tenaga dan masa mereka dalam perkara yang tidak diingini seperti yang dinyatakan di atas.

Beberapa kajian telah menunjuk bahawa kepercayaan agama dan kesedaran Tuhan sebenarnya membantu belia untuk mencegah daripada tingkah laku negatif. Kesedaran keTuhanan akan menghilangkan semua tingkah laku negatif seperti pengambilan alkohol yang melampau, amalan seksual berisiko, mengambil dadah, dan lain-lain (Ellison & Levin, 1998). Kajian Ellison & Levin jugamenunjukkan bahawa kurangnya kesedaran keTuhanan di kalangan belia berusia 18-29 tahun menyebabkan mereka terlibat dalam norma sosial negatif yang membahayakan hidup mereka





Jesteru, kajian ini adalah penting bagi pendidik di sekolah, ibu bapa, masyarakat, badan-badan sukarelawan, NGO serta persatuan-persatuan agama supaya dapat membimbing dan melahirkan modal insan. Kajian juga dapat membantu pihak-pihak tertentu untuk memberi didikan agama yang sempurna kepada belia. Pendidikan yang berteraskan agama dapat melahirkan insan yang berguna kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, Dalam kajian semasa kesedaran keTuhanan dalam kalangan belia India berdasarkan teks Thirumanthiram dikaji. Dalam kajian ini pengkaji membuat perbandingan antara kesedaran keTuhanan yang ada pada diri belia dengan kesedaran keTuhanan yang dinyatakan dalam teks Thirumanthiram.

1.8 Batasan Kajian



Dalam kajian ini pengkaji membataskan kajian ini supaya dapatan kajian adalah memuaskan. Keseluruhan aspek dalam Thirumanthiram merupakan intipati yang menyeluruh. Walaupun terdapat banyak kitab suci dalam agama Hindu namun, kitab suci yang dikenali sebagai '*Thirumurai*' yang disifatkan sebagai '*Panniru Thirumuraikal*' merupakan kitab suci agama yang menjadi panduan kepada penganut saivisme. Dalam kitab ini terdapat duabelas '*Thirumuraikal*'. Antara duabelas jilid '*Thirumuraikal*' ini, Thirumanthiram ditempatkan sebagai '*Thirumurai*' yang kesepuluh. Pengkaji memilih teks Thirumanthiram sebagai sumber rujukan utama kerana teks Thirumanthiram merupakan salah satu kitab suci agama '*Saivisme*' dan terdapat banyak nilai-nilai murni yang boleh dijadikan panduan hidup manusia. Teks Thirumanthiram juga menceritakan segala karma iaitu pahala dan dosa yang boleh dan tidak boleh di lakukan oleh seseorang manusia. Selain pendekatan '*Sariyai*',





‘Kiriya’, ‘Yogam’ dan ‘Nyanam’ memberi penjelasan yang terperinci mengenai kesedaran keTuhanan. Teks Thirumanthiram juga menyatakan segala pahala dan dosa yang dilakukan oleh manusia akan dihakimi oleh Tuhan. Tambahan pula Thirumanthiram menekankan bahawa Tuhan adalah Maha Pengasih (Anbe Sivam). Teks Thirumanthiram ini memberi penjelasan secara terperinci mengenai kesedaran keTuhanan, disamping itu ia juga menekankan perkara-perkara yang perlu diketahui dan diperhalusi sewaktu melakukan pemujaan terhadap Tuhan.

Teks ini dihasilkan oleh seorang siddhar yang bernama Thirumoolar. Ia mengandungi Sembilan ‘*Thanthiram*’. Walaupun terdapat beberapa ulasan bagi karya ini, pengkaji membataskan kajian dengan memilih teks Thirumanthiram yang diulas oleh P.Ramanatha Pillai (1984) sebagai sumber utama. Selain dari itu buku-buku lain yang berkaitan dengan Thirumanthiram juga turut dirujuk sebagai rujukan tambahan.

Pengkaji membataskan kajian ini dengan melakukan analisis pada belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Pengkaji memilih belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun kerana berpegang pada Dasar Belia Malaysia (2023) iaitu belia ditafsirkan sebagai mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun. Kajian Ellison & Levin, (1998) menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran keTuhanan di kalangan belia berusia 18 hingga 29 tahun menyebabkan mereka terlibat dalam norma sosial negatif atau tidak bermoral yang membahayakan hidup mereka. Had umur dalam kajian Ellison & Levin, (1998) juga tergolong dalam had umur belia yang dalam Dasar Belia Malaysia.



Disamping itu, pengkaji juga mengkaji teori '*Saiva Siddhantham*' yang merangkumi '*Pathi*', '*Pasu*' dan '*Pasam*'. Empat pendekatan '*Sariyai*', '*Kriyai*', '*Yogam*' dan '*Nyanam*' juga dikaji bagi memastikan kesedaran keTuhanan dalam diri belia masa kini. Bagi tujuan ini sampel kajian dilakukan terhadap Belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun di kawasan Daerah Segamat. Data dikumpul dan dianalisis bagi membuat perbandingan secara kuantitatif dan juga kualitatif. Seterusnya, puisi-puisi yang berkaitan dengan kesemua Sembilan '*Thanthiram*' dari Thirumanthiram dijadikan sebagai panduan bagi penulisan thesis disertasi bagi membanding beza.

1.9 Definisi Operational

Beberapa istilah seperti berikut dijelaskan pengertiannya untuk membantu memahami konsep kajian dengan lebih mendalam.

1.9.1 Kesedaran KeTuhanan (God Cociousness)

Kesedaran keTuhanan disifatkan sebagai penghubung antara manusia dan Tuhan (Darmalingam, 2012) Kesedaran ini dapat diperluaskan melalui bacaan teks yang mengandungi ajaran-ajaran agama. Manusia dapat mengetahui, menyedari, menghayati dan mendekati Tuhan melalui teks-teks '*aagamam*' (Satguru Sivaya Subramuniyaswami, 2004).

Kesedaran keTuhanan merupakan satu nilai kemanusiaan yang perlu ada pada seseorang. 'KeTuhanan' membawa maksud Tuhan dan kesedaran didefinisikan

sebagai pemikiran (*cociousness*).

Maka dapat disimpulkan bahawa kesedaran keTuhanan adalah sifat dan sikap serta amalan hidup yang murni (*God Consciousness*). Dengan adanya kesedaran keTuhanan, manusia sentiasa dapat berada diatas landasan kehidupan yang menuju kearah kesempurnaan kerohanian.

Maka dalam kajian ini, pengkaji menarik minat belia India untuk memahami kesedaran keTuhanan. Kajian ini juga menjadi permulaan kepada pengkaji untuk melihat bagaimana belia India mengaplikasi kesedaran keTuhanan dalam kehidupan seharian.

1.9.2 Thirumanthiram

Thirumanthiram merupakan sebuah karya puisi Tamil ataupun sebuah karya kesusasteraan Tamil . Ia dikaryakan oleh seorang siddhar yang bernama ‘*Thirumoolar*’ pada 200 BCE. Ia merupakan ‘*Thirumurai*’ yang ke sepuluh daripada duabelas jilid ‘*Thirumurai*’. Ia juga merupakan sebuah karya puisi yang menggambarkan ‘*Saiva Siddhantam*’. Thirumanthiram membawa maksud mantra suci. Thirumanthiram adalah karya yang paling awal dalam Bahasa Tamil dan mengandungi tiga ribu puisi yang merangkumi pelbagai aspek kerohanian, etika dan pujian Tuhan.

Teori ‘*Saiva Siddhantam*’ menegaskan bahawa Tuhan mempunyai sifat-sifat ‘*Engunaththan*’ iaitu lapan sifat untuk merahmati manusia. Thirumoolar juga dalam



karya Thirumanthiram menyatakan bahawa Tuhan mempunyai lapan sifat. Sifat pertama ialah '*Thanvayaththan Athal*' yang menunjukkan Tuhan bebas daripada semua perkara yang berlaku di dunia ini. Kedua pula ialah, '*Thuyaa Udambinan*', bermaksud rupa Tuhan adalah suci (Nirmala Devi, 2013). Sifat yang ketiga ialah '*Iyarkai Unarvinan*' yang membawa maksud Tuhan tidak mempunyai seorang guru untuk tunjuk ajar. Malahan Tuhanlah yang memberi tunjuk ajar kepada manusia dan kehidupan lain di dunia. Oleh itu, Tuhan memilikinya secara semulajadi (Somasundram, 2001).

Sifat Tuhan yang keempat ialah '*Mutrum Unarthal*' yang membawa maksud Tuhan mengetahui segala-galanya yang berlaku di dunia ini tanpa diberitahu oleh sesiapa. Seterusnya, adalah '*Perarul Udhaimai*' bermaksud Tuhan adalah bersifat Maha pengasih. Tuhan mempunyai kasih sayang yang tidak ada hadnya kepada segala kehidupan di bumi ini. Ia dapat dibuktikan dengan kata hikmah iaitu '*Anbe Sivam*' yang bermaksud Tuhan merupakan lambang kasih sayang (Thirumanthiram, 270). Tuhan juga dikatakan '*Iyalbagare Pasaminmai*'. Pasam dalam pernyataan ini merujuk kepada tambatan yang dibahagi kepada tiga perkara iaitu '*Anavam*' (ego), '*Kanmam*' (karma) dan '*Mayai*' (maya). Manusia sering dikaitkan dengan tiga unsur ini kerana ia menghalang mereka daripada mendapat kesedaran keTuhanan.

Thirumanthiram juga dikatakan sebagai karya teragung kerana ia membimbing manusia ke arah jalan yang betul. Thirumanthiram merangkumi puisi-puisi yang berkaitan dengan kebenaran, kesucian pemikiran dan tindakan. Thirumanthiram dianggap sebagai karya yang paling berharga kerana ia mengajar kita mengenai aspek kebaktian secara mendalam.





Puisi-puisi Thirumanthiram juga menceritakan tentang kepentingan menghormati seseorang, cara-cara menyembah Tuhan, cara-cara memelihara fizikal badan, berkelakuan baik, karma yang dilakukan serta cara-cara meleraikan karma, berdoa, bertafakur dan sebagainya. Oleh itu ia boleh dianggap sebagai ensiklopedia yang menerangkan bagaimana seseorang boleh menjalani kehidupan rohani di duniawi.

Thirumanthiram dibahagikan kepada Sembilan '*Tantiram*' dan setiap puisi mempunyai struktur matrik yang unik. Setiap baris terdiri daripada 11 atau 12 suku kata. '*Thirumoolar*' membincangkan empat kemajuan rohani iaitu '*Sariyai*', '*Kriyai*', '*Yogam*' dan '*Nyanam*' berkonsepkan teori '*Pathi*', '*Pasu*' dan '*Pasam*'. Beliau adalah salah seorang '*Nayanmaar*' daripada 63 '*Nayanmaar*' dan juga salah seorang daripada 18 '*Siddhar*' yang penting.



Terdapat ramai pengulas yang mengulas mengenai Thirumanthiram. Di antaranya ialah Arunasalam (2000), Somasundram (2006), Darmalingam (2012), Manivasagan (2010), Varatarajan (2003), Acharya, Ramakirudinan (2000). Namun teks Thirumanthiram yang diulas oleh Ramanatha Pillai (1984) telah dipilih sebagai sumber utama.

1.9.3 Belia

Belia adalah pewaris kepimpinan pada masa akan datang sesebuah negara. Mereka memainkan peranan penting terhadap masyarakat, bangsa dan agama. Menurut Mohd. Ismail (2005), masyarakat memandang belia sebagai golongan yang melambangkan kepantasan, kesempurnaan, keseronokan, kegembiraan, kemudahan, keteguhan serta



keindahan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua, belia didefinisikan sebagai orang yang sudah akil baligh tetapi belum tua lagi, orang muda, pemuda atau pemuda. Mengikut Akta Pertubuhan Belia (2007 : 668) belia adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Mengikut Dasar Belia Malaysia (2023) pula belia ditafsirkan sebagai mereka yang berumur 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun. Oleh itu bagi kajian ini tumpuan pengkaji adalah mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun mengikut Dasar belia Malaysia (2023).

1.9.4 Saiva Siddhantham

'Saiva Siddhantham' adalah tradisi mazhab 'Saivisme' yang menggambarkan falsafah dualistik di mana matlamat utama adalah membebaskan diri daripada kitaran kelahiran semula dan mencapai *moksha* atau *mukthi* melalui rahmat Tuhan. Menurut (Flood Gavin, 2006. The Tantric Body) upacara normatif, kosmologi dan teologi 'Saiva Siddhantham' menggambarkan kombinasi kitab-kitab 'Agamam' dan 'Vedam'. 'Saiva Siddhantham' memuatkan tiga prinsip kebenaran asas mazhab 'Saivisme'. Ketiga-tiga prinsip tersebut adalah 'Pathi', 'Pasu' dan 'Pasam'. Thirumoolar dalam puisinya menyatakan bahawa

'Pathi Pasu Pasam enap pagar moontrilPathiyinaip pol

Pasu Pasam Anathy...

(Thirumanthiram, 159)



Ketiga-tiga prinsip ini adalah kekal abadi (Anantharasan, 2003). '*Pathi*' merujuk kepada Tuhan yang Maha Esa, (Sivasri Kumaraswamigal, 1955.). '*Pasu*' bermaksud roh manusia (Anantharasan, 2005.). '*Pasam*' pula dibahagikan kepada tiga aspek iaitu '*Anavam*' (ego), '*Kanmam*' (karma) dan '*Mayai*' (Maya). Jika dilihat dengan teliti aspek '*Anavam*', '*Kanmam*' dan '*Mayai*' inilah yang menjadi penghalang kepada roh manusia untuk mendekati Tuhan (Nanthalala, 2008).

'*Pasam*' akan menyelubungi '*Pasu*' dan menghalang '*Pasu*' daripada mendekati Tuhan. Oleh yang demikian, '*Pasu*' perlu berusaha untuk meleraikan '*Pasam*' dalam diri mereka untuk mendekati '*Pathi*' iaitu Tuhan (Arunasalam. 2002).



'*Pathi*' merujuk kepada Tuhan yang Maha Esa (Sivasri Kumaraswamigal, 1955). '*Pathi*' didefinisikan sebagai ketua, pemimpin dan pemerintah alam semesta (Nanthalala, 2008). Masyarakat Hindu mempercayai bahawa ada kuasa yang mencipta dan menjaga dunia ini (Nirmala Devi, 2013). Mazhab '*Saivism*' menyatakan bahawa seseorang manusia yang dapat mengenali kelemahan diri akan mengenal Tuhan sebagai kuasa yang tidak mempunyai kelemahan. Golongan yang berfikiran seperti ini boleh mengenali konsep '*Pathi*' (Nagappan, 2008). Mazhab '*Saivism*' percaya bahawa Tuhan hadir dalam diri manusia. Mereka juga percaya Tuhan wujud di segala alam yang tidak dapat diimajinasi oleh manusia (Thirumanthiram, 1).



1.9.4.2 Pasu

'*Pasu*' adalah '*Anma*', '*Uyir*' dan '*Anu*' iaitu nyawa atau roh (Gangataran, 1980). Setiap benda hidup mempunyai '*Pasu*' iaitu roh. Roh manusia kekal dan ia tidak mempunyai awalan dan akhiran. Apabila seseorang manusia meninggal dunia, badanya sahaja akan dikebumikan atau dibakar tetapi roh akan keluar daripada badan dan akan lahir dalam kandungan lain. Kelahiran semula ini adalah berdasarkan '*Karma*' yang telah dilakukan dalam kelahiran-kelahiran sebelumnya. Mengikut mazhab '*Saivisme*' manusia akan mendapat kelahiran semula sehingga mereka berjaya meleraikan segala dosa dan pahala serta mengenal diri sendiri untuk mencapai kesempurnaan kerohanian (Rajantharan, 2012). Roh yang mencapai *Mukthi* akan bebas daripada kitaran kelahiran dan kematian. Dalam setiap kelahiran semula manusia akan mendapat pengalaman yang membawa kepada kesedaran keTuhanan.

1.9.4.3 Pasam

'*Pasam*' merangkumi tiga perkara iaitu '*Anavam*' (ego), '*Kanmam*' (karma) dan '*Maya*' (maya). Menurut '*Saivisme*' setiap manusia yang lahir di bumi akan membawa tiga unsur '*Pasam*' dalam diri mereka (Nagappan, 2008). Unsur ini akan menghalang manusia daripada mendapat kesedaran diri dan menyedari kewujudan Tuhan.

1.9.5 Sariyai

'*Sariyai*' adalah salah satu perlakuan membuat kerja kebajikan yang berkaitan dengan

agama (Kausalyah, 1996). Seseorang yang menuruti pendekatan ini dikatakan sentiasa meluangkan masa mereka untuk membuat kebajikan di kuil iaitu tempat suci penyembahan Tuhan (Nandalala, 2008). Amalan ini juga dilakukan kepada para pengikut Tuhan (Kumaresamoorthy, 2004)

1.9.6 Kriyai

'*Kiriyai*' (bermaksud ritual) adalah pendekatan yang membantu seseorang yang berusaha mendekati Tuhan, (Arunasalam, 2002). Segala upacara sembahyang yang dilakukan di kuil mahupun di rumah tergolong dalam amalan '*Kiriyai*' (Narayanan Velupillai, 1995). Agama Hindu penuh dengan ritual dan setiap ritual mempunyai makna dan kepentingannya.

Matlamatnya '*Kiriyai*' adalah untuk memberi kesucian kepada hati dan minda manusia. '*Kiriyai*' merupakan salah satu langkah penting dalam mencapai kesedaran keTuhanan atau mendekati Tuhan. Pengendalian '*Kiriyai*' ini akan membantu manusia untuk melepaskan diri mereka dari segala ikatan duniawi dan seterusnya memupuk jiwa raganya kepada Tuhan.

1.9.7 Yogam

Menurut budaya kerohanian masyarakat India, '*Yogam*' merupakan sebuah aktiviti istimewa yang berkaitan dengan fizikal dan mental (Selvaraj, 2013). '*Yogam*' membawa maksud renungan yang mendalam dalam fikiran untuk sesuatu ketika



tertentu (Rajantharan, 2012). ‘*Yogam*’ adalah salah satu teknik yang digunakan dalam penyatuan minda dan tubuh badan dengan membuat latihan yang berterusan. Terdapat pelbagai jenis ‘*Yogam*’ yang dikaitkan dengan fizikal dan mental. Antaranya ialah ‘*Addangga Yogam*’, ‘*Raja Yogam*’, ‘*Karma Yogam*’, ‘*Nyana Yogam*’, ‘*Bakthi Yogam*’, ‘*Kiriya Yogam*’, ‘*Naatha Yogam*’, ‘*Manthira Yogam*’, ‘*Thiyana Yogam*’ dan sebagainya (Thanabakhiyam, 2007).

Walaupun terdapat pelbagai jenis ‘*Yogam*’ namun tujuan utama kesemua ‘*Yogam*’ adalah untuk mencapai kesedaran kerohanian dan juga untuk mencapai ‘*Mukthi*’ (Sambanthan, 2004). *Thirumoolar* menyatakan bahawa ‘*Yogam*’ perlu dilakukan dengan bantuan dan tunjuk ajar oleh seorang guru (*Thirumanthiram*, 748). Dengan adanya seorang guru sebagai pembimbing maka seseorang dapat mempelajari amalan melakukan ‘*Yogam*’ yang sebenar dan seterusnya ia dapat membawa ke tahap pencapaian ‘*Mukthi*’ (*Thirumanthiram*, 565).

1.9.8 Nyanam

‘*Nyanam*’ merupakan pendekatan terakhir yang memberikan kesedaran keTuhanan dalam diri seseorang. Mengikut mazhab ‘*Saivisme*’ seseorang itu perlu melalui pendekatan ‘*Sariyai*’, ‘*Kiriyai*’ dan ‘*Yogam*’ untuk memperolehi ‘*Nyanam*’. Dalam tahap ini seseorang akan dapat sedar kerohanian yang melayakan diri mereka untuk mencapai ‘*Mukthi*’ (Kuppusamy, 2012).



1.10 Kesimpulan

Secara umumnya, bab ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operational. Latar belakang kajian berkisar terhadap kesedaran keTuhanan dalam teks Thirumanthiram dan kesedaran keTuhanan yang ada pada diri belia. Pada amnya, kajian ini adalah satu usaha yang dilakukan untuk membandingkan kesedaran keTuhanan belia pada masa kini dengan kesedaran keTuhanan yang terkandung dalam Teks Thirumanthiram dengan harapan belia dapat menghayati dan memperkasakan kesedaran keTuhanan dalam diri mereka serta mengamalkan kesedaran keTuhanan dalam diri mereka.